

07/12/1998

MTUC, Belia 4B bidas Soros

KUALA LUMPUR, Ahad - Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan 172 kesatuan gabungannya membidas pedagang mata wang, George Soros, kerana mencampuri hal ehwal domestik Malaysia.

Presidennya, Senator Zainal Rampak, berkata Soros yang mendesak penyingkiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, daripada jawatannya tidak mempunyai hak untuk mencampuri urusan dalaman Malaysia, apalagi mahu menentukan siapa yang patut menjadi pemimpin negara ini.

"Siapa Soros, dia bukan rakyat Malaysia dan dia tidak ada hak untuk bercakap mengenai Malaysia," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Kelmarin, Soros mendesak Dr Mahathir disingkirkan, manakala Datuk Seri Anwar Ibrahim pula dibebaskan daripada penjara.

Dengan nada rakus, Soros dilaporkan berkata rakyat Malaysia harus menyingkirkan Dr Mahathir kerana dasar-dasarnya hanya bertujuan memastikannya terus berkuasa serta menguntungkan sekutu politiknya.

Soros yang juga Pengerusi Pengurusan Dana Soros dan Penasihat Dana Quantum, membuat kenyataan itu di Washington ketika mempromosi buku barunya *The Crisis Of Global Capitalism* (Krisis Kapitalisme Dunia).

Zainal mendakwa Soros bukan saja dibenci oleh rakyat negara ini, malah rakyat negara lain termasuk negara anggota pentadbir Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

Di IPOH, Persatuan Belia 4B akan menghantar surat kepada Soros, mengutuk dan membantah kenyataan yang dikeluarkan oleh pedagang mata wang Yahudi itu.

Presidennya, Datuk Mohamed Ali Rustam, berkata tindakan Soros itu kerana dia berasa tertekan dan marah disebabkan 'kerja-kerja tidak baiknya' dalam pasaran wang antarabangsa sudah didedahkan Dr Mahathir.

"Soros kini tidak dapat lagi menyorokkan diri daripada mata dunia kerana aktiviti negatifnya, berasa tertekan dan bertindak balas dengan mengutuk Dr Mahathir, yang berani membuka pekongnya," katanya selepas melepaskan peserta Perak Le Tour Adventure Rally 98.

Sementara itu di Kampung Gajah, seramai 200 anggota Persatuan kelab-kelab Belia Malaysia (MAYC) hari ini mengadakan demonstrasi secara aman di sini bagi membantah kenyataan Soros itu.

Mereka yang juga peserta kursus pengurusan dan pentadbiran MAYC Zon Tengah selama tiga hari di Institut Latihan Datuk Sagor di sini, turut mengemukakan memorandum bantahan terhadap kenyataan itu dan campur tangan Amerika Syarikat dalam hal ehwal dalaman negara.

Hujan lebat tidak mematahkan semangat belia terbabit membawa pelbagai pelekat dan kain rentang yang mengutuk Soros di tengah pekan Kampung Gajah, berhampiran dengan Pasir Salak tempat Resident British JWW Birch di bunuh pada 1786.

Setiausaha Agung MAYC, Sheikh Badar Sheikh Embong, berkata memorandum itu akan disampaikan kepada Menteri Pertahanan, Datuk Syed Hamid Albar, yang juga Timbalan Presiden MAYC, yang akan menutup kursus itu malam ini untuk disampaikan kepada Kedutaan Amerika di Kuala Lumpur.

Di JOHOR BAHRU, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Affifuddin Omar, berkata tindakan Soros itu mempunyai agenda tertentu untuk menghalang pelabur datang ke Malaysia.

"Ini kerana pedagang mata wang itu tidak mahu melihat Malaysia berjaya dalam menangani krisis ekonomi," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Bicara Bersama Rakyat anjuran Umno bahagian Pulaui.

Beliau berkata, Soros tidak perlu campur tangan dalam urusan pentadbiran politik negara ini kerana rakyat Malaysia bijak menilai dan memilih pemimpin yang diinginkan.

"Malaysia mempunyai caranya tersendiri untuk menangani krisis ekonomi dan masalah dalaman politik. Oleh itu, berilah peluang kepada Malaysia membuktikannya," katanya.

Menurutnya, proses pemulihan ekonomi berjalan lancar dan jika Malaysia berjaya, dasar itu boleh dicontohi oleh negara membangun.

Di SARAWAK, Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie mengingatkan orang ramai supaya berhati-hati dengan mereka yang menyalahkan kerajaan sepenuhnya berhubung masalah ekonomi yang melanda negara sekarang.

Menurutnya, golongan itu adalah oportunist yang berharap mendapat faedah dengan mempolitikkan masalah itu bagi kepentingan mereka.

Beliau berkata, mereka yang hanya menyalahkan kerajaan sepenuhnya menunjukkan mereka tidak ikhlas dan hanya berminat mengelirukan orang ramai terutama penduduk di kawasan luar bandar bagi mencapai motif mereka.

Di LANGKAWI: Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid, berkata keganasan yang dibuat oleh Adolf Hitler dalam medan peperangan di Eropah adalah sama kejamnya dengan dosa Soros dalam ekonomi Asia.

Katanya, Soros akan jahanam dalam 'guanya' seperti Hitler, dengan fakta ini dalam ingatannya.

"Ia adalah satu neraca kira-kira dalam sejarah yang tidak patut berlaku," katanya.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Chan Kong Choy, pula berkata desakan Soros melambangkan kekecewaan kerana gagal menggugat keamanan rakyat negara ini melalui serangan mata wang dan agenda politik.

Menurutnya, Soros kecewa apabila melihat rakyat tidak terpengaruh, malah terus menyokong pimpinan kerajaan hari ini.

Beliau yang menyifatkan kenyataan Soros sebagai sama biadabnya dengan kenyataan Naib Presiden Amerika, Al-Gore, ketika Sidang Kemuncak Apec baru-baru ini, berkata sikap mereka jelas mengganggu keamanan negara.

(END)